

**Bahagian A**

[50 markah]

*Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.*

- 1 (a) Gambar 1 berkaitan dengan satu bentuk pemilikan perniagaan.



Gambar 1

- (i) Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan kelebihan bentuk perniagaan di 1(a)(i) kepada pemiliknya. [5 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

Dr. Irfan membuka sebuah klinik mata di Shah Alam. Jualan tahunannya adalah sebanyak RM350 000. Seramai 5 orang pekerja bekerja dengannya.

Jelaskan klasifikasi perniagaan tersebut. [4 markah]

- 2 (a) Gambar 2 berkaitan dengan sebuah agensi pembiayaan perniagaan.



Gambar 2

Jelaskan peranan agensi tersebut bagi menangani isu ekonomi.

[5 markah]

- (b) Jadual berikut berkaitan dengan syer pasaran bagi perniagaan peralatan komputer di bandar Kajang, Selangor.

PERNIAGAAN	PERATUS SYER PASARAN
Smart Tekno	60
Jalur Pantas	25
Siber Line	15

Jelaskan syer pasaran yang wujud bagi perniagaan tersebut.

[5 markah]

- 3 (a) Jelaskan tanggungjawab pengurus bahagian pengeluaran sewaktu melaksanakan kawalan semasa dalam proses pengeluaran barang. [3 markah]

- (b) Dialog berikut berkaitan dengan interaksi bahagian fungsian dalam organisasi dengan organisasi luar.


Encik Yusha : Selamat pagi Encik Bahrin. Saya ingin membuat tempahan 100 ekor ikan keli untuk kegunaan restoran saya. Bolehkah saya tahu berapakah jumlah bayaran untuk tempahan tersebut?

Encik Bahrin : Selamat pagi. Saya berikan harga RM100 bagi 100 ekor ikan keli. Saya akan menghantar ikan tersebut ke restoran selepas Encik Yusha membuat pembayaran.

Encik Yusha : Saya setuju dengan harga yang diberikan. Saya akan membuat pembayaran sekarang.

Terangkan interaksi yang terlibat antara Encik Yusha dan Encik Bahrin. [4 markah]

- (c) Rajah 1 berkaitan dengan sebahagian langkah-langkah pembangunan produk baharu.



Rajah 1

Jelaskan X.

[3 markah]

**4 (a)** Jelaskan peranan pengurusan sumber manusia dalam sebuah perniagaan. [4 markah]

**(b)** Dialog berikut berkaitan dengan pengurusan sumber teknologi.

Azizul :	Ini merupakan salah satu ciptaan baharu aku, mesin untuk menyediakan kuih kapit.
Zarul :	Wah, hebatnya! Kau dah daftar reka bentuk mesin ke?
Azizul :	Belum. Aku kurang arif. Sudikah kau membantu?

Bagaimakah Zarul dapat membantu Azizul?

[6 markah]

**5 (a)** Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis sumber pembiayaan luaran.

Encik Rafi ingin memulakan projek penanaman jagung di Sabak Bernam. Beliau perlu menyewa sebuah jentera selama tiga bulan untuk kerja-kerja pembersihan tanah.
--

Cadangkan jenis pembiayaan tersebut.

Jelaskan.

[5 markah]

**(b)** Jelaskan maksud penyata kewangan. [2 markah]

**(c)** Bagaimakah penyata kewangan dapat membantu pihak pengurusan? [3 markah]

- 6 (a) Apakah kelebihan menjadi usahawan kepada negara? [3 markah]
- (b) Situasi berikut berkaitan dengan kesan yang mempengaruhi persediaan memulakan perniagaan.

Encik Jalil menjual cendol menggunakan kendera saji (*food truck*) miliknya yang telah beroperasi sejak tiga bulan yang lalu. Beliau telah diberikan notis saman disebabkan bermiaga tanpa permit oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Beliau tidak mendapatkan permit kerana kegagalan mendaftarkan perniagaannya.

Apakah kesan lain yang mungkin dihadapi oleh perniagaan Encik Jalil? [5 markah]

- (c) Jelaskan kepentingan menyediakan Rancangan Perniagaan. [2 markah]

**Bahagian B**

[30 markah]

*Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Lily Sdn. Bhd. merupakan perniagaan menternak burung puyuh di Gedangsa, Selangor. Perniagaan itu menggaji seorang pengurus, seorang kerani akaun dan lima orang pekerja am untuk membantu operasi perniagaan. Oleh kerana baharu ditubuhkan, perniagaan menghadapi masalah kewangan. Ini menyebabkan perniagaan membayar gaji yang rendah kepada pekerja. Pekerja am hanya dibayar sebanyak RM900 sebulan. Di samping itu, terdapat rungutan tentang pengurus yang mengamalkan sikap pilih kasih dalam pemilihan pekerja. Pihak pengurusan mengambil keputusan untuk memohon sumber pembiayaan daripada Agro Bank bagi mengatasi masalah kewangan perniagaan.

- (a) Jelaskan kelebihan bentuk pemilikan perniagaan tersebut. [4 markah]
- (b) Jika anda adalah pengurus syarikat, cadangkan aspek pengelolaan sumber manusia yang sepatutnya diamalkan oleh Lily Sdn. Bhd. [5 markah]
- (c) Huraikan faktor penyumbang yang membantu Lily Sdn. Bhd. memulakan perniagaan. [6 markah]

- 8** Shima Enterprise adalah pengeluar produk sambal segera berjenama Sambal Mak Ucu. Perniagaan ini dijalankan sepenuhnya secara dalam talian. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Shima Enterprise untuk tahun 2019 dan tahun 2020.

<b>Butiran</b>	<b>2019</b>	<b>2020</b>
	(RM)	(RM)
Jualan	350 000	200 000
Belian	185 000	152 000
Stok Purata	36 000	32 000
Kos Jualan	288 000	160 000
Belanja	29 000	6 000
Untung Bersih	33 000	34 000



- (a) Adakah kadar pusing ganti stok pada tahun 2020 menurun? Kemukakan bukti anda. [6 markah]
- (b) Jelaskan elemen produk dalam campuran pemasaran yang dapat membantu Shima Enterprise menangani isu di 8(a). [9 markah]

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah syarikat pengeluar pakaian.

Syarikat Aisyah Humairah Sdn. Bhd. merupakan pengeluar pakaian muslimah yang terkemuka di dalam negara. Jumlah jualan tahunan syarikat adalah sebanyak RM35 juta dan mempunyai seramai 80 orang pekerja. Pihak pengurusan sentiasa menjaga hubungan baik dengan pekerja. Syarikat mempunyai sebuah bangunan pejabat dan kilang yang beroperasi di Gombak. Syarikat juga sentiasa menghasilkan pelbagai jenis fesyen pakaian muslimah terkini. Baru-baru ini, didapati beberapa buah mesin jahit industri telah rosak. Ini mengganggu proses pengeluaran yang menerima jumlah tempahan yang banyak. Dalam masa yang sama, pihak pengurusan bimbang tentang peningkatan kes kecurian di kawasan kilang.

- (a) Terangkan saiz dan skala perniagaan tersebut. [4 markah]
- (b) Terangkan faktor dalaman yang dapat membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan Syarikat Aisyah Humairah Sdn. Bhd. [6 markah]
- (c) Jelaskan prosedur pengurusan sumber fizikal yang perlu dilaksanakan oleh syarikat tersebut. [5 markah]

**Bahagian C**

[20 markah]

*Soalan ini wajib dijawab.*

- 10** Kejuruteraan Maju Dagang Sdn. Bhd. (KMDSB) adalah sebuah syarikat pembinaan yang menumpukan kepada kerja-kerja kejuruteraan awam. KMDSB yang mula beroperasi sejak 8 tahun lalu telah melantik Encik Azlan, sebagai Pengarah Urusan syarikat yang baharu, menggantikan Pengarah Urusan yang telah bersara. Syarikat mempunyai pekerja tetap dan kontrak untuk menjalankan pelbagai projek pembinaan di seluruh Malaysia. Pada masa kini, KMDSB juga telah memberi peluang pekerjaan secara kontrak kepada graduan lepasan universiti yang menganggur. Ini secara tidak langsung membolehkan pihak syarikat mendapat insentif pengecualian cukai daripada kerajaan atas pembayaran gaji pekerja yang diambil bekerja dalam satu tempoh tertentu.

Pembayaran upah pekerja kontrak bukan warganegara dibayar secara mingguan melalui Penyelia Tapak projek. Encik Azlan merasakan kaedah ini tidak lagi sesuai. Beliau telah meminta bahagian fungsian kewangan menghubungi pihak bank untuk mengubah kaedah yang lebih mudah dan menamatkan masa. Selain itu, bahagian ini juga diminta mendaftarkan pekerja-pekerja kontrak warganegara sebagai ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk memudahkan caruman KWSP dilaksanakan.

Jadual berikut menunjukkan projek-projek yang dijalankan oleh KMDSB bermula pada tahun 2020 dan dijangka siap menjelang tahun 2022 serta pekerja-pekerja yang ditugaskan untuk setiap projek.

Projek 1 : Rumah Kedai Lokasi : Kuala Selangor Nilai Projek : RM8 Juta Peratus Siap : 60%	Projek 2 : Apartmen Lokasi : Shah Alam Nilai Projek : RM10 Juta Peratus Siap : 40%
--	---

JAWATAN	PROJEK 1 (BIL. PEKERJA)		PROJEK 2 (BIL. PEKERJA)	
	PENGALAMAN		PENGALAMAN	
	KURANG 3 TAHUN	LEBIH 3 TAHUN	KURANG 3 TAHUN	LEBIH 3 TAHUN
Jurutera	—	2	4	1
Jurutera Pelatih (Kontrak)	2	—	5	—
Pelukis Pelan	—	1	—	1
Juruukur Bahan	2	—	2	—
Penyelia Tapak	—	2	4	1
Pekerja Kontrak Bukan Warganegara	10	7	15	3
Jumlah	14	12	30	6

Terdapat banyak aduan pekerja-pekerja yang tidak cekap menguruskan Projek 2 di Shah Alam oleh kontraktor utama. Kedua-dua ini menyebabkan beberapa bahagian projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan. Ahli Lembaga Pengarah syarikat telah meminta Encik Azlan turun padang bagi mengatasi masalah tersebut.

Projek 2 KMDSB di Shah Alam juga menghadapi masalah kekurangan modal. Pihak pengurusan telah cuba memohon pinjaman daripada beberapa buah bank perdagangan tetapi ditolak kerana tiada penjamin. Encik Azlan telah meminta pengurus kewangan memikirkan agensi kerajaan yang dapat membantu mengatasi masalah tersebut.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Apakah jenis pengangguran yang diatasinya oleh insentif tersebut?  
Jelaskan. [2 markah]
- (b) Terangkan kaedah aplikasi teknologi maklumat yang boleh digunakan oleh bahagian fungsian kewangan KMDSB. [4 markah]
- (c) (i) Dari aspek kemahiran kebolehkerjaan, apakah yang menyebabkan aduan tersebut? [3 markah]  
(ii) Sekiranya anda adalah Encik Azlan, jelaskan langkah yang akan anda ambil. [5 markah]
- (d) (i) Selain daripada tiada penjamin, mengapa pihak bank menolak permohonan tersebut? [3 markah]  
(ii) Cadangkan agensi kerajaan yang dapat menyelesaikan masalah di 10(d)(i). Kemukakan alasan anda. [3 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**